

**Struktur Binaan Kerangka Model Emosi Watak Protagonis Wanita Berdasarkan
Novel Populer dan Realiti**

*The Structure of the Emotional Model of the Female Protagonist Character
Based on Reality and Popular Novel*

Nur Atiq Syahirah Binti Che Baharudin
atiqsyah92@gmail.com

Nordiana Binti Hamzah
diana.azmi@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Received: 5 November 2021; Published: 8 June 2022

Cite this article (APA) as:

Che Baharudin, N. A. S., & Hamzah, N. (2022). Struktur Binaan Kerangka Model Emosi Watak Protagonis Wanita Berdasarkan Novel Populer dan Realiti. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10 (1), 1-14. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/158>

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan emosi dan helah bela diri watak protagonis dalam novel populer dengan wanita bekerja berkeluarga. Terdapat empat buah novel populer yang menjadi bahan kajian iaitu novel *7 Hari Mencintaiku* (Siti Rosmizah), *Suri Hati Mr. Pilot* (Dila Dyna), *Adam dan Hawa* (Aisya Sofea) dan *Dekatnya Cinta* (Aisya Sofea). Keempat-empat novel tersebut dipilih berdasarkan ciri-ciri popular iaitu mendapat permintaan yang tinggi dan telah diadaptasi ke dalam bentuk drama televisyen. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti emosi dan helah bela diri watak protagonis dalam novel populer, merumuskan emosi dan helah bela diri watak protagonis wanita yang terdapat dalam novel populer. Akhirnya menjana model emosi wanita bekerja berkeluarga. Kajian ini menggunakan Teori Gabungan (Nordiana Hamzah), Teori *Psikoanalisis* (Sigmund Freud) dan Teori *Rasa-Fenomenologi* (Sohaimi Abdul Aziz). Tiga teori tersebut merupakan pegangan dalam menganalisis emosi dan helah bela diri watak protagonis dalam novel populer. Hasil dapatan daripada pembinaan jadual emosi, kajian ini mendapati terdapat 12 jenis emosi watak protagonis wanita dalam novel populer. Antaranya ialah emosi kasih, emosi malu, emosi riang, emosi sedih, emosi takut, emosi hairan, emosi marah, emosi jijik, emosi tenaga, emosi dendam, emosi dengki, dan emosi simpati. Namun, hanya sembilan emosi sahaja yang selari dengan emosi wanita bekerja berkeluarga masa ini. Helah bela diri (HBD) watak protagonis wanita dalam novel pula terdapat 10 jenis. Antara helah bela diri tersebut ialah, sublimasi, rasionalisasi, projeksi, introjeksi, pembentukan reaksi, fantasi, represi, penafian, agresi dan regresi. Namun, hanya satu HBD sahaja yang berada paling hampir dengan wanita realiti, dua HBD yang berada dalam gelung kedua, lima HBD di gelung ketiga, dua HBD yang berada dalam gelung keempat dan dua HBD yang berada di gelung terakhir. Hal ini menunjukkan bahawa semakin jauh gelung daripada bulatan HBD, semakin kurang persamaan HBD yang diambil oleh wanita bekerja berkeluarga dalam realiti. Semua dapatan tersebut dapat membantu penulis untuk menghasilkan karya yang baik dan lebih dekat dengan keadaan realiti watak protagonis.

Kata kunci: Emosi, Helah Bela Diri, watak protagonis, wanita bekerja berkeluarga, model emosi, model helah bela diri.

ABSTRACT

This study discusses the emotions and self defense tricks of the protagonist characters in popular novels with working women in a family. There are four popular novels that are the study material, namely the novel 7 Hari Mencintaiku (Siti Rosmizah), Suri Hati Mr. Pilot (Dila Dyna), Adam dan Hawa (Aisya Sofea) and Dekatnya Cinta (Aisya Sofea). The four novels were selected based on popular features that are in high demand and have been adapted in the form of television dramas. Finally generating an emotional model of a working woman with a family. This study uses Combined Theory (Nordiana Hamzah), Psychoanalytic Theory (Sigmund Freud) and Phenomenological Sense Theory (Sohaimi Abdul Aziz). All three theories are the holdings in analyzing the emotions and self defense tricks of the protagonist characters in popular novels. Findings from the construction of the emotional table, this study found that there are 12 types of emotions of female protagonist characters in popular novels. Among them are emotions of love, emotions of shame, emotions of joy, emotions of sadness, emotions of fear, emotions of wonder, emotions of anger, emotions of disgust, emotions of energy, emotions of revenge, emotions of envy, and emotions of sympathy. However, only nine emotions are in line with the emotions of working women with families today. There are 10 types of martial tricks of the female protagonist in the novel. Among the martial tricks are, sublimation, rationalization, projection, introjection, reaction formation, fantasy, repression, denial, aggression and regression. However, only one HBD (self defense trick) was closest to the reality woman, two HBDs were in the second loop, five HBDs were in the third loop, two HBDs were in the fourth loop and two HBDs were in the last loop. This suggests that the farther the loop is from the HBD circle, the less HBD similarities are taken by married working women in reality. All of these findings are the main research material in the formation of emotional models and self -defense tricks of working women with families.

Keywords: Emotions, self-defense Tricks, protagonist character, working woman with family, emotional model, martial trick model.

PENGENALAN

Novel merupakan suatu produk budaya yang memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan minda masyarakat (Koh Young Hun dan Ummi Hani, 2015). Kajian tentang novel-novel popular sangat meluas dilakukan oleh sarjana tempatan mahupun luar (Fatimah Hj Saidin 2015 dan Suci Walandari 2014).

Novel juga memaparkan aspek emosi yang menjadi asas dalam membina watak dan perwatakan. Emosi merupakan suatu aspek yang sangat penting dan sememangnya wujud dalam diri setiap insan yang bergelar manusia. Manusia sendiri yang akan membezakan perwatakan mereka dengan cara mengawal emosi yang terdapat dalam diri mereka sama ada untuk menjadi insan yang positif mahupun yang sebaliknya. Daniel Goleman (2002) mengatakan bahawa emosi merujuk suatu perasaan dan fikiran yang khas sebagai penyebab seseorang tersebut bertindak. Emosi merupakan reaksi terhadap rangsangan dari luar dan dalam diri individu, sebagai contoh emosi gembira mendorong perubahan hati sehingga secara fisiologi terlihat tertawa, emosi sedih mendorong seseorang berperilaku menangis. Emosi yang wujud dalam diri manusia berpunca daripada apa-apa yang sedang dilalui oleh mereka pada saat itu. Jika perkara yang negatif dialaminya maka emosi yang negatif seperti marah, sedih dan takut akan dilahirkan daripada insan tersebut. Begitu juga sebaliknya, jika peristiwa yang positif wujud dalam diri mereka, maka kebahagiaan, kegembiraan dan kasihan yang akan dilahirkan daripada insan tersebut. Setiap emosi tersebut akan terus ada dalam

kehidupan manusia yang bernyawa, namun yang membezakan setiap individu tersebut dengan cara mereka meluapkannya ataupun memendamkan emosi tersebut. Paparan novel-novel popular seperti (*Adam dan Hawa* 2009, *7Hari Mencintaiku* 2011 dan *Dekatnya Cinta* 2013) sarat dengan emosi, terutamanya emosi bagi wanita.

Novel juga memaparkan aspek emosi yang menjadi asas dalam membina watak dan perwatakan. Emosi merupakan suatu aspek yang sangat penting dan sememangnya wujud dalam diri setiap insan yang bergelar manusia. Manusia sendiri yang akan membezakan perwatakan mereka dengan cara mengawal emosi yang terdapat dalam diri mereka sama ada untuk menjadi insan yang positif mahupun yang sebaliknya. Daniel Goleman (2002) mengatakan bahawa emosi merujuk suatu perasaan dan fikiran yang khas sebagai penyebab seseorang tersebut bertindak. Emosi merupakan reaksi terhadap rangsangan dari luar dan dalam diri individu, sebagai contoh emosi gembira mendorong perubahan hati sehingga secara fisiologi terlihat tertawa, emosi sedih mendorong seseorang berperilaku menangis. Emosi yang wujud dalam diri manusia berpunca daripada apa-apa yang sedang dilalui oleh mereka pada saat itu.

METODOLOGI

Kaedah kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kajian kepustakaan dan kajian tinjauan. Kajian kepustakaan adalah kajian ke atas data-data dari sumber yang sedia (A.Halim Ali, 2019:11). Sumber sedia ada seperti buku-buku rujukan dan jurnal-jurnal ilmiah. Selain itu, kajian kepustakaan dijalankan juga adalah untuk mencari maklumat daripada laman sesawang tentang teori dan maklumat tambahan. Dalam kajian ini, kajian kepustakaan dijalankan ialah untuk menganalisis teori gabungan yang diasaskan oleh Nordiana Hamzah pada tahun 2014 (Teori Psikoanalisis dan teori *Rasa-Fenomenologi*), menganalisis teks pilihan (empat buah novel), dan menganalisis kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian ini atau kajian-kajian yang berkaitan teori. Menurut Abdul Halim Ali (2013) teori Psikoanalisis dan teori *Rasa-Fenomenologi* adalah kelompok teori sastera berasaskan aspek psikologi

Penyelidikan kepustakaan merupakan usaha menjawab perkara-perkara yang tidak mungkin dapat dijawab menerusi penyelidikan kuantitatif serta memberi gambaran dari perspektif yang tidak dapat diukur secara kuantiti (Noraini Idris, 2013). Para penyelidikan kualitatif percaya bahawa dunia manusia tidak stabil mahupun seragam untuk memberi makna kepada fenomena tertentu berdasarkan pengukuran yang dibuat keatas elemen-elemen yang terlibat. Elemen seperti perasaan, sikap serta tingkah laku manusia berbeza dalam situasi yang berlainan. Oleh itu, unsur subjektif diambil kira dalam pendekatan kualitatif, dimana para penyelidik percaya bahawa maklumat yang berbeza diperoleh dalam konteks dan situasi yang berbeza.

Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis teks. Analisis ini dijalankan terhadap novel-novel popular di Malaysia iaitu novel yang bertajuk *Dekatnya Cinta* (2013) karya Aisyah Sofia. Selain itu, pengkaji juga akan menjalankan analisis teks terhadap novel yang ditulis oleh Siti Rosmizah iaitu *7 Hari Mencintaiku* (2013). Selain itu, kajian kepustakaan ini juga merujuk kepada analisis dokumen. Pengkaji akan menganalisis novel popular yang menjadi pilihan untuk mengeluarkan emosi dan juga helah bela diri yang terdapat pada watak protagonis dalam novel tersebut.

Kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah digunakan untuk mengetahui hal yang berkaitan dengan sikap, kepercayaan, nilai, demografi, tingkah laku, pendapat, tabiat, keinginan, idea dan lain-lain maklumat berkaitan dengan sekumpulan orang. Kajian tinjauan juga sering digunakan dalam perniagaan, politik, kerajaan, sosiologi, kesihatan awam, psikologi, dan pendidikan kerana maklumat yang tepat boleh diperoleh berkenaan kumpulan yang besar dengan menggunakan sampel yang kecil. (Noraini Idris, 2013).

Pengkaji akan menjalankan kajian tinjauan apabila selesai menganalisis teks. Soalan dibina berpandukan aspek emosi serta tingkah laku yang terkandung dalam dalam teks kajian. Kajian tinjauan ini meliputi soal selidik. Soalan yang terdapat dalam soal selidik tersebut berkaitan dengan emosi dan helah bela diri yang terdapat pada watak protagonis dalam karya. Kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengumpul data yang berkaitan dengan emosi dan helah bela diri wanita dalam realiti.

Populasi kajian terdiri daripada golongan wanita yang berada di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Memandangkan bilangannya adalah terlalu ramai, kajian ini mengendalikan persampelan pada tiga bahagian tertentu iaitu kepada ibu bapa pelajar tadika sekolah tadika, guru-guru di sekolah menengah kawasan Kuala Lumpur dan pekerja-pekerja di syarikat dalam kawasan Selangor dan Kuala Lumpur.

ANALISIS TEKS WATAK PROTAGONIS

Kajian ini akan menggunakan senarai semak berpandukan teori gabungan bagi menyenaraikan emosi yang terdapat dalam karya. Selain itu, dalam kajian ini juga akan menggunakan senarai semak bagi menganalisis tingkah laku yang akan diambil oleh watak protagonis dalam karya.

Dengan menggunakan senarai semak tersebut, segala maklumat yang terdapat dalam teks kajian dapat dinyatakan dan dianalisis dengan lebih jelas. Hal ini juga akan menjadikan proses penyelidikan semakin lancar dalam menganalisis maklumat pada peringkat yang seterusnya. Penelitian terhadap emosi dan tingkah laku watak protagonis dalam novel tersebut berlandaskan teori gabungan yang telah diadaptasi dari Nordiana Hamzah (2014). Dalam teori gabungan tersebut, terdapat dua belas emosi yang dapat dianalisis melalui watak manusia. Antaranya ialah:

a) Emosi Riang

Emosi riang mendorong meningkatkan keiatan di pusat otak, menenangkan perasaan, meningkatkan tenaga dan mengikiskan perasaan negatif. Emosi ini bertindak dengan memberikan rasa nyaman kepada keseluruhan anggota tubuh badan, menimbulkan semangat dalam jiwa serta bersikap positif untuk menghadapi tugas-tugas dalam hidup.

Emosi riang merujuk kepada emosi dalam keadaan kegembiraan. Kegembiraan yang dimaksudkan ialah gabungan kegembiraan kepuasan dalam kehidupan serta mempunyai emosi positif yang lebih banyak berbanding dengan emosi negatif. Menurut Martin Saligman, kebahagiaan mempunyai tiga bahagian iaitu keseronokan, penglibatan yang positif serta matlamat hidup untuk menyumbang kepada kehidupan yang beremosi riang (Nordiana Hamzah, 2014).

Plutchik, R. (1991) menyatakan bahawa emosi riang bersilih ganti dengan emosi kasih. Pemerhatiannya juga menjelaskan emosi riang merupakan emosi sementara dan emosi kasih ialah emosi yang berkekalan. Penegasan beliau ialah, emosi riang merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam emosi kasih. Emosi riang akan menyebabkan seseorang individu ketawa. Apabila seseorang ketawa, secara langsung otot-otot akan menyebabkan penambahan endorphin dan serotonin di samping itu akan mengurangkan dopamine, norepinephrine dan cortisol. Kesemua elemen tersebut akan menyebabkan badan berasa sihat. Emosi yang riang dapat mengurangkan tekanan, kemarahan dan ketakutan. Emosi riang juga dapat membantu meningkatkan imuniti badan dalam melawan penyakit serta menguatkan sistem kardiovaskular (Peter & Jihari, 2006). Kesimpulannya, emosi riang merupakan salah satu daripada emosi yang ada pada watak protagonis dalam novel popular yang dikaji. Kajian tentang emosi riang dapat dikenal pasti dengan pembacaan secara analitik.

b) Emosi Sedih

Menurut Nordiana Hamzah (2014), jika terjadinya emosi sedih akan menyebabkan tubuh badan tidak bertenaga. Emosi sedih melampau dari segi sains akan mengakibatkan metabolisme tubuh lambat untuk proses dan akan timbul perasaan tekanan yang konkrit. Apabila perasaan sedih ini berlaku dan individu melakukan introspeksi diri menyebabkan semangat individu tersebut pulih semula sebagaimana yang dikatakan oleh Marc Grobe (2001), emosi kesedihan ini akan menjadi pengalaman hidup yang akan menjadi pendorong untuk seseorang itu bangkit semula.

Menurut Bryan G.K (2010), emosi sedih sebenarnya mempunyai impak fizikal jika tidak didatangi dengan sistematik. Antara simptom emosi sedih ialah emosi risau, takut, marah, sedih, sepi, tekanan dan putus asa. Antara langkah untuk menangani emosi sedih ialah dengan mendapatkan rawatan perubatan, kaunseling dan berfikir secara positif. Dalam menangani emosi sedih, individu tidak perlu tenggelam dalam perasaan kesedihan dan harus mempunyai semangat untuk bangkit semula bagi menangani emosi tersebut.

Kesimpulannya, emosi kesedihan hanya dapat ditangani dengan kekuatan iman yang ada dalam diri seseorang. Kekuatan iman bagi individu yang beragama Islam ialah yakin bahawa setiap kejadian mempunyai hikmah dan semua yang berlaku merupakan ketentuan daripada Yang Maha Pencipta. Bagi individu yang bukan beragama Islam, strategi pencegahan untuk tidak berasa sedih ialah harus mempunyai kekuatan tenaga dan kekuatan motivasi dalam menanganinya.

c) Emosi Takut

Emosi takut telah dijadikan Allah dengan mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Manusia perlu takut kerana ini merupakan salah satu cara untuk melindungi dirinya daripada terperangkap dalam situasi yang membahayakan (Jamilah Samian, 2012). Laluan emosi takut bermula daripada fahaman komunikasi yang berpunca daripada alam bawah sedar yang membawa mesej ke alam sedar. Kewajaran dalam menangani emosi takut dengan kekuatan iman. Dengan bantuan iman, seseorang dapat membina sikap mental positif dan seterusnya bersikap positif. Sebagai contoh, rasa takut bertukar kepada berani, putus asa menjadi semangat, bimbang bertukar yakin dan sedih bertukar tenang dan juga sifat-sifat yang lain. (Afifi Ahmad, dalam Nordiana 2014).

d) Emosi Hairan

Emosi hairan ialah emosi dominan yang terbina daripada satu keadaan yang mengejutkan. Antaranya keadaan yang boleh mewujudkan emosi hairan ialah tidak disangka-sangka, elemen luar biasa dan pemakaian objek secara berlebihan (Rama Kant Sharma, 2003). Cornelissen (2011) pula menyatakan bahawa emosi hairan ialah pengembangan yang berlaku dalam fikiran yang menembusi sempadan pemikiran dan pengalaman. Akibat kepada emosi hairan ialah keadaan mata akan menjadi lebih besar, kepala akan bergetar serta pernafasan menjadi lebih pantas. Menurut Nordiana (2014), emosi hairan ialah emosi asas yang ada dalam diri setiap individu yang berlaku apabila seseorang itu berasa terkejut dan kagum dengan individu atau dengan sesuatu perkara.

e) Emosi Marah

Emosi atau perasaan wujud oleh desakan-desakan naluri atau berlakunya pertentangan dengan naluri. Perasaan marah wujud apabila naluri pengarang terganggu atau diasak oleh

perbuatan yang mendorong dirinya marah (Ghazali Din & A.Halim Ali,2020:27). Emosi marah akan mendorong kepada perbuatan fisiologi seperti meningkatkan detak jantung, menyebabkan penghasilan hormon adrenalin serta membangkitkan tenaga untuk bertindak secara luar biasa (M. Izuddin Taufiq, 2006). Emosi marah menyebabkan seseorang individu sering tidak bersetuju dengan orang lain. Menurut Imam Al-Ghazali (dalam Nordiana 2014), sikap marah ialah nyalaan api yang bersumberkan api Allah yang menyala serta menjulang tinggi sampai ke lubuk hati. Perasaan marah timbul daripada sifat bongkak yang terpendam dalam kalbu setiap manusia yang curang dan derhaka. Marah merupakan sifat fitrah yang ada dalam diri manusia. Terdapat beberapa perubahan fizikal apabila seseorang sedang marah. Contohnya ialah perubahan air muka, gementar badannya, suaranya menjadi keras dan resah sehingga terkeluar kata-kata keji dan kotor. Kesimpulannya, marah merupakan perasaan yang dimiliki oleh individu yang berada dalam keadaan yang negatif.

f) Emosi Jijik

Emosi jijik atau kebencian ialah emosi biasanya berkait dengan hal-hal yang tidak bersih dan tidak termakan. Jijik dibahagi kepada jijik secara fizikal dan jijik emosi. Jijik secara fizikal ialah kaitan tentang najis dan moral yang tidak baik. Jijik merupakan emosi yang tidak suka dan membenci kotoran serta bau busuk. Namun, jijik sebagai emosi yang berkembang melalui sosialisasi dan bukannya bawaan dari kecil (Matnuh, 2012). Menurut Susan Beth Miller (2004), mengatasi emosi jijik merupakan tindak balas naluri secara genetik dilakukan kerana sikap individu untuk melindungi tubuh badan mereka supaya tidak menghidu bau busuk, meminum atau menyentuh apa-apa objek yang berkaitan. Tambahannya lagi, terdapat kepelbagaian dalam mentafsir emosi jijik. Secara holistik, emosi jijik disebabkan rasa mual terhadap sesuatu yang meloyakan seperti aspek pemakanan, bau-bauan dan juga kepada perkara yang abstrak seperti jijik dengan keadaan moral seseorang.

g) Emosi Tenaga

Menurut Prakesh Veereshwar dan Nupur Sharma (2001), emosi tenaga berkait dengan seseorang yang mempunyai keunggulan dan kehebatan. Dalam pementasan, ekspresi emosi dan tenaga digambarkan seperti individu yang mempunyai kesediaan, murah hati dan keberanian. Menurut Ed. Satish K. Gupta (dalam Nordiana 2014) menyatakan bahawa sikap hero dan sikap bangga mempunyai perkaitan dalam emosi tenaga. Sikap bangga seorang hero bukanlah sikap angkuh tetapi sikap yang berkaitan dengan sifat merendahkan diri. Kesimpulannya, emosi tenaga berkait dengan perwatakan yang mempunyai daya tahan, keberanian dan kehebatan dalam mengharungi kehidupan. Selain itu, emosi tenaga digambarkan perwatakan yang mempunyai nilai-nilai positif dalam kehidupan sehariannya. Emosi-emosi lain seperti;

h) Dendam

Menurut Eb. Surbakti (2010), pembalasan dendam disebabkan perbuatan tidak menyenangkan orang lain kepada diri seseorang seperti serangan secara verbal, penghinaan atau tindakan lain yang menyakitkan perasaan. Menurutnya lagi, dendam ialah suatu keinginan yang keras kerana ingin membalas kejahatan seseorang. Emosi ini akan menyebabkan permusuhan, perpecahan, pembunuhan dan huru-hara dalam masyarakat.

i) Dengki

Hasad atau iri hati merupakan perkara yang sama dengan dengki. Kedua-duanya bermaksud mengharapkan hilangnya rezeki dan kenikmatan yang telah diperolehi oleh orang lain (Abdullah Gymnastiar, 2003). Dengki merupakan perbuatan tercela yang merupakan permulaan perbuatan yang tidak baik seperti sikap sombong, zalim, bermegah-megah dan sebagainya. Kesimpulannya, dalam masyarakat akan wujudnya permusuhan kerana orang yang berdengki akan bersikap marah kepada orang yang diberikan rezeki dan hal ini menyebabkan tali silaturahim sesama insan akan terputus.

j) Malu

Menurut Suhana Sulaiman (dalam Nordiana 2014), konsep malu membawa makna baik dan makna buruk. Malu yang baik ialah malu berkaitan tingkah laku sopan. Manakala malu yang negatif ialah malu bertanya, malu memberikan pandangan, malu membuat teguran dan sebagainya. Menurut Nordiana (2014), penggunaan peribahasa Melayu juga banyak berkaitan dengan malu. Antaranya ialah, peribahasa malu-malu kucing yang bermaksud sikap pura-pura malu di hadapan orang lain. Malu ini ialah malu yang negatif kerana menggambarkan sikap seseorang yang hipokrit. Antara malu yang menggambarkan sikap yang negatif yang lain ialah malu bertanya sesat jalan, malu makan perut lapar dan malu berkayuh perahu hanyut.

k) Simpati atau Ehsan

Kata simpati berasal daripada perkataan Yunani iaitu *sympatheia*, yang bermaksud mempunyai perasaan yang sama. Perasaan simpati membentuk diri seseorang individu untuk memperhatikan, memahami dan menanggapi semangat untuk memotivasikan seseorang individu untuk membantu orang lain. Kajian ini telah menganalisis kesemua jenis emosi tersebut terhadap empat buah novel popular yang telah dipilih. Karya dipilih berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan terhadap watak protagonis (wanita) dalam novel tersebut. Contoh analisis novel dapat dilihat pada jadual yang seterusnya.

KAJIAN LAPANGAN

Kajian ini akan menggunakan kaedah soal selidik dalam menganalisis aspek emosi bagi watak protagonis (wanita) melalui karya sastera dan emosi wanita dalam dunia realiti. Soal selidik akan dijalankan terhadap wanita lingkungan umur 21 hingga 35 tahun di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor. Wanita yang menjadi objek dalam kajian ini ialah wanita yang mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga (seorang isteri atau ibu) dan mempunyai kerjaya. Hal ini kerana lingkungan umur, ciri serta kawasan kajian ini dijalankan tersebut mempunyai persamaan bagi watak protagonis yang terdapat dalam novel yang dikaji. Soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik tersebut merangkumi segala aspek emosi dan helah bela diri yang dijumpai pada watak protagonis dalam novel yang dikaji.

Soal selidik merupakan satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Soal selidik dalam kajian ini merangkumi aspek diri, emosi, helah bela diri bagi wanita. Setiap aspek yang ingin diberikan perhatian akan mengandungi 10 soalan.

Bahagian A merupakan soalan berkaitan dengan diri individu yang menjawab soal selidik tersebut. Antara soalan yang terdapat dalam bahagian A ialah nama, umur, status, bilangan anak, pekerjaan, warganegara dan bangsa. Bahagian B pula merupakan soalan yang berkaitan dengan emosi. Setiap soalan tersebut merupakan kesinambungan daripada dapatan

hasil analisis novel pilihan. Bahagian ini juga, terdapat tujuh pecahan kecil emosi iaitu riang, takut, hairan, marah, jijik, tenaga dan lain-lain emosi (dendam, dengki, malu, simpati). Bahagian C pula meliputi soalan yang berkaitan dengan helah bela diri. Dalam bahagian ini, terdapat beberapa pecahan soalan. Antaranya ialah sublimasi, rasionalisasi, projeksi, introjeksi, pembedakan reakti, kompensasi fantasi, represi, penafian, agresi dan regres. Kesemua pecahan tersebut adalah untuk memudahkan penelitian dalam kajian ini.

Contoh Soalan: Emosi

Apabila bersemangat / bertenaga, saya akan:

Bil	PERNYATAAN	1	2	3	4	5
1.	melayani anak dan suami apabila ada masa terluang.					
2.	memberitahu bahawa saya terlalu banyak kerja apabila lewat mengambil anak.					
3.	memarahi anak kerana mengganggu saya melakukan sesuatu pekerjaan.					
4.	bekerja kuat seperti ayah untuk maju dalam hidup.					
5.	menafikan bahawa saya sebenarnya tidak sihat untuk melakukan sesuatu pekerjaan.					
6.	memikirkan apa yang akan dilakukan sekiranya saya mengambil sesuatu tindakan.					
7.	melupakan hasrat untuk melakukan sesuatu perkara kerana suami tidak begitu bersetuju.					
8.	menidakkan rasa bersemangat dalam menjalani sesuatu pekerjaan.					
9.	membentak suami kerana menghalang keputusan saya.					
10.	bersemangat membuat sesuatu pekerjaan.					

Contoh soalan: Helah Bela Diri

Tingkah laku atau helah bela diri melalui Teori Psikoanalisis Sigmund Freud.

Apabila saya marah, saya akan:

Bil	PERNYATAAN	1	2	3	4	5	
1.	menulis puisi meluahkan isi hati.						← sublimasi rasionalisasi
2.	menyatakan bahawa telefon dalam tetapan senyap, sedangkan saya sengaja tidak menjawabnya.						← projeksi
3.	marahkan anak kerana merosakkan kertas kerja yang saya tinggalkan di atas lantai.						← introjeksi
4.	menegakkan pendirian seperti ayah, dalam perkara yang dirasakan betul.						← Pembentukan reaksi
5.	menyatakan bahawa saya tidak pernah sayangkan suami.						← fantasi
6.	memikirkan setiap masalah yang dihadapi.						← represi
7.	membenamkan perasaan marah.						← penafian
8.	tidak boleh menerima hakikat bahawa saya dipaksa untuk berkahwin.						← agresi
9.	merosakkan barangan sewaktu marah.						← regres
10.	memukul si dia untuk meminta beliau menjelaskan perkara sebenar kepada khalayak.						

KORELATIF OBJEKTIF EMOSI

Setiap item yang terdapat dalam soal selidik, akan diuji berpandukan responden. Penentuan tahap positif atau negatif setiap item emosi dan helah bela diri sesuatu emosi akan dinilai berdasarkan jumlah nilai Min dan peratusan kekerapan setiap item dalam sesuatu konstruk berdasarkan dapatan dari responden. Proses ini penting bagi memastikan dapatan yang diperoleh adalah daripada item atau instrumen yang sah dan mempunyai tahap ketekalan yang baik untuk menghasilkan model emosi dan helah bela diri wanita berkeluarga bekerja berdasarkan novel popular (Nunnally, 1978).

Emosi dan helah bela diri bagi watak protagonis dalam novel akan dianalisis menggunakan jadual emosi yang dibina. Terdapat beberapa emosi dan helah bela diri yang diketengahkan dalam analisis tersebut. Setiap emosi yang telah dilahirkan oleh pengarang melalui watak protagonis akan diikuti bersama hela bela diri yang diambil oleh watak tersebut. Penelitian telah diberikan seperti berikut:

a) Emosi Kasih

Dalam menganalisis ketiga-tiga novel popular, didapati emosi kasih menjadi pilihan pengarang dalam menulis plot penceritaan. Emosi kasih menurut Sarlito dalam Fatimah (2006) ialah perasaan mencintai dan ingin dicintai sangat penting walaupun perasaan tersebut disembunyikan. Individu akan bertindak balas sama ada secara positif mahupun negatif terhadap emosi kasih. Sebagai contoh, individu yang suka memberontak, degil dan menunjukkan sikap permusuhan biasanya disebabkan oleh keinginan perhatian ataupun kasih sayang daripada pasangan mereka. Namun, emosi kasih yang digunakan dalam kajian ini ialah berkaitan dengan watak protagonis yang ikhlas menyayangi suaminya dan mampu melakukan apa-apa sahaja untuk membuktikan kasih sayangnya sama ada secara terangan-terangan mahupun secara tersembunyi.

Korelatif objektif emosi kasih menurut Bharata (dalam Sohaimi Abdul Aziz, 1992) ialah tarikan dan kemurahan terhadap seseorang. Manakala menurut Abdul Gani (2011) emosi kasih merupakan perasaan yang dimiliki oleh manusia yang akan timbul apabila individu tersebut mempunyai rasa memiliki dan menyayangi. Kasih juga mempunyai makna yang luas, bukan hanya antara manusia dengan manusia tetapi boleh wujud antara manusia dengan Tuhan. Rasa kasih akan membuatkan manusia mempunyai tujuan hidup untuk diperjuangkan. Namun, korelatif objektif emosi kasih melalui watak protagonis dalam kesemua novel kajian ialah perasaan menginginkan yang terbaik untuk pasangan, perasaan untuk membahagiakan pasangan dan sentiasa membuka pintu hati untuk pasangan mereka.

Korelatif objektif bagi emosi kasih dalam novel *Suri Hati Mr. Pilot* ialah aspek kebahagiaan. Watak protagonis iaitu Warda seorang wanita yang bahagia bersama dengan suaminya Ijaz. Hal ini jelas dipancarkan oleh pengarang melalui perbualan Warda dan Humaira. Humaira merupakan isteri kepada bekas kekasih Warda iaitu Muslim. Dalam perbualan tersebut, Warda menegaskan bahawa dia sudah berumah tangga. Warda berasa bahagia dalam rumah tangganya. Setiap kali selepas solat, Warda akan berdoa supaya rumah tangganya sentiasa dalam kebahagiaan dan kegembiraan. Pelipis Warda mula berkerut dalam.

“Warda dah kahwin, akak. Warda bahagia sangat dengan suami Warda sekarang. Setiap kali sebelum tidur, setiap kali selepas solat, Warda tak pernah lupa minta pada Allah supaya rumah tangga kami akan sentiasa dilimpahi kebahagiaan dan kegembiraan.”

(SHMP, 2016:377)

Melalui petikan tersebut, dapat dilihat bahawa watak Warda akan melakukan semua perkara yang menunjukkan korelatif objektif kebahagiaan apabila berada dalam emosi kasih. Segala perbuatannya didorong oleh perasaan kasih yang sangat mendalam terhadap suaminya. Begitu juga dengan petikan yang seterusnya. Kebahagiaan seorang isteri dizahirkan dengan memenuhi keperluan suaminya. Segala kelengkapan harian suaminya disediakan dengan sebaik mungkin. Hal ini menunjukkan ciri-ciri seorang wanita yang sedang bahagia. Menurut kajian Harry Benson dan Stephen McKay (2019) menyatakan bahawa, kebahagiaan pasangan suami isteri dalam perhubungan mempunyai keunikan dan signifikan dalam kestabilan rumah tangga. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah, iaitu isteri menyediakan segala kelengkapan suami:

Ejaz berkerut kening. Tak lepas ditatap wajah si isteri yang asyik tersenyum dari tadi. Dari uniform hinggalah ke stokinnya, semua Warda yang pakaikan.

(SHMP, 2016:389)

Warda disifatkan sebagai wanita Melayu yang sangat mementingkan suami dalam kehidupan rumah tangga. Dalam hadis Rasulullah saw menegaskan bahawa wanita yang baik ialah mereka yang berakhlak dengan Allah seperti tekun dan bersungguh-sungguh beribadah. Mereka juga sabar dalam menempuh kesusahan (ujian) daripada Allah. Selain itu, tumpuan hatinya ialah untuk memperbaiki akhlak, mengurus rumahtangga dengan baik, memelihara ibadah dan menjaga hubungan dengan manusia. Watak protagonis dalam novel SHMP yang digambarkan oleh pengarang Dila Dyna iaitu Warda mempunyai ciri-ciri tersebut.

Begitu juga yang dipaparkan oleh pengarang melalui watak Ain dalam novel *Dekatnya Cinta*. Ain merupakan seorang isteri yang sangat menyayangi suaminya dan tidak pernah putus berdoa kepada Allah untuk memohon kesejahteraan rumahtangga mereka. Watak protagonis itu juga taat kepada suaminya dan sedaya upaya akan mengelak daripada perkara yang boleh mendatangkan kemarahan suaminya ataupun mengingkari perintah Tuhan. Sikap Ain tersebut jelas berada dalam landasan sama seperti yang dijelaskan dalam hadis Rasulullah saw.

“Kalau suatu hari nanti, Ain lalai dengan apa yang abang harapkan dari Ain tu, tegurlah Ain, bang. Marah Ain kalau Ain tersasar jauh. Ain tetap nak abang ajar Ain sampai bila-bila.”

(DC, 2013:119)

Dalam petikan tersebut jelas menggambarkan bahawa Ain merupakan seorang isteri yang sedia untuk menerima teguran daripada suaminya jika dia tersasar dari landasan atau agama Allah S.W.T. Hal ini dapat dikukuhkan lagi dengan petikan yang seterusnya.

“Ain rasa bersyukur sangat sebab TUHAN temukan Ain dengan abang.”

(DC, 2013:128)

Ain meletakkan agama sebagai landasan untuk meneruskan tanggungjawab sebagai seorang isteri, ibu dan pekerja. Segala teguran yang dibuat berlandaskan agama merupakan satu nikmat bagi Ain dan bukanlah satu beban. Ain juga tidak pernah menyesal dengan apa yang telah menimpa hubungannya dengan Am sebelum ini. Malah dia rasa sangat bersyukur dengan nikmat yang telah Allah berikan termasuklah ditemukan jodohnya dengan suaminya sekarang.

Menurut Darwis (2006), ketika seseorang berada dalam emosi kasih, secara psikologi akan memberikan mereka kepuasan. Namun begitu, secara psikologinya emosi kasih akan membuat jantung berdebar-debar atau langkah kaki terasa ringan kerana berada dalam kebahagiaan. Perkara tersebut tidak spesifik berlaku kepada semua orang dalam pelbagai situasi. Kadangkala ada juga individu yang bahagia, tetapi menitikkan air mata. Begitu juga emosi sedih yang sama tidak membawa kesakitan yang serupa. Setiap manusia mempunyai tahap bahagia yang menjadi kayu ukur untuk diri mereka sendiri.

BINAAN KERANGKA MODEL EMOSI WATAK PROTAGONIS WANITA BERDASARKAN NOVEL POPULAR DAN REALITI

Berdasarkan soalan kajian sebelum ini yang menggambarkan paparan Emosi dan HBD dalam 12 jenis emosi, dapat dirumuskan bahawa:

- i. Nilai Min bagi emosi dengki adalah antara yang paling rendah iaitu sebanyak 2/5 sahaja. Ukuran yang menjadi garis panduan adalah skala Min 1 hingga 5. Nilai Min yang tidak mencecah 3 dianggap negatif
- ii. Kesemua 11 emosi yang lain adalah positif iaitu 5/5 dan 4/5. 5/5 bermaksud kesemua item dalam emosi tersebut mempunyai nilai Min yang mencecah tahap skala 3. 4/5 bermaksud 4 item dalam emosi tersebut mempunyai nilai Min mencecah tahap skala 3.
- iii. Terdapat 4 konstruk HBD yang tidak mencapai tahap positif iaitu 5/10. 5/10 bermaksud 5 item dalam HBD sesuatu emosi tersebut melebihi skala Min iaitu 3/5. 4 konstruk HBD emosi tersebut ialah HBD emosi simpati 4/10, HBD emosi dendam 3/10, HBD emosi jijik 3/10 dan HBD emosi sedih 4/10.
- iv.


Oleh itu, daripada justifikasi diatas (rujuk Jadual 4.1 hingga Jadual 4.12), dapatlah dijelaskan bahawa Emosi Dengki watak protagonis wanita dalam novel popular adalah tidak berpaksikan emosi wanita dalam dunia realiti. Manakala, 4 Helah Bela Diri yang tidak mencapai nilai Min yang positif iaitu HBD emosi simpati, HBD emosi dendam, HBD emosi jijik dan HBD emosi sedih jugak dibina oleh pengarang dalam novel popular adalah tidak berlandaskan HBD yang diambil oleh wanita dalam dunia realiti. Janaan bagi model ini boleh dilihat pada Jadual 3;

Jadual 3: Rumusan Interpretasi daripada Dapatan paparan Emosi dan HBD

Konstruk	Sub konstruk	Min / Peratusan Kekerapan			Skala 1 hingga 5	Kedudukan dalam Model Emosi	Kedudukan dalam Model HBD
		Nilai paling tinggi	Nilai paling rendah	% Kekerapan setuju			
Kasih	Emosi Kasih	4.63	4.20	93.3 100	5/5 8/10	1	1
	HBD Kasih	4.47	1.93				
Riang	Emosi Riang	4.77	4.07	96.7 80.0	5/5 5/10	2	4
	HBD Riang	4.07	1.47				

Sedih	Emosi Sedih	4.57 3.60	2.93 1.83	90.0 60.0	4/5 4/10	10	9
	HBD Sedih						
Takut	Emosi Takut	3.73 4.37	3.13 1.43	63.3 89.4	5/5 6/10	3	2
	HBD Takut						
Hairan	Emosi Hairan	3.60 3.73	2.83 2.07	70.0 73.3	4/5 5/10	11	5
	HBD Hairan						
Marah	Emosi Marah	4.00 3.73	2.97 1.83	83.3% 70.0%	5/5 5/10	4	6
	HBD Marah						
Jijik	Emosi Jijik	4.20 4.47	3.27 2.00	86.6 96.6	5/5 3/10	5	11
	HBD Jijik						
Tenaga	Emosi Tenaga	4.73 4.37	4.23 1.80	96.7 86.7	5/5 6/10	6	3
	HBD Tenaga						
Dendam	Emosi Dendam	3.73 3.60	3.17 1.90	66.6 60.0	5/5 3/10	7	12
	HBD Dendam						
Dengki	Emosi Dengki	4.33 4.27	2.17 1.60	90.0 83.3	2/5 5/10	12	7
	HBD Dengki						
Malu	Emosi Malu	4.00 4.07	3.23 1.63	80.0 86.7	5/5 5/10	8	8
	HBD Malu						
Simpati	Emosi Simpati	4.60 4.27	4.00 1.77	100 93.3	5/5 4/10	9	10
	HBD Simpati						

Model Emosi Watak Protagonis Wanita Berdasarkan Novel Popular Dan Realiti



KESIMPULAN

Secara umumnya, janaan emosi wanita berkeluarga bekerja berdasarkan analisis emosi dalam novel popular dan realiti mampu meningkatkan kualiti penulisan karya kreatif. Model emosi dalam kajian ini boleh menjadi panduan pengarang dalam membina watak wanita dalam karya kreatif mereka. Menurut Ghazali Din, *et al* (2015) karya yang bersifat komunikatif dapat mempengaruhi emosi pembaca dan memberi kesan psikologi. Kajian ini juga dapat melihat sejauh mana wanita dalam realiti mampu mengawal emosi dan bagaimana helah bela diri dilakukan oleh mereka apabila berhadapan dengan sesuatu emosi. Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh mendapati emosi dan helah bela diri yang dibina dalam watak protagonis berlandaskan wanita realiti. Hakikatnya, wanita ialah makhluk ciptaan Tuhan yang dianugerahkan dengan segala kecantikan dan sifat-sifat tersendiri yang berbeza dengan kaum lelaki. Keistimewaan yang terdapat pada wanita telah menjadikan mereka umpama tiang dalam sesebuah institusi keluarga, masyarakat dan negara kerana wanita menjadi model dalam membentuk sebuah generasi yang cemerlang (Iada Roziana Abdullah & A.Halim Ali, 2019:48). Malah, situasi yang digambarkan dan tindakan yang diambil oleh watak protagonis wanita dalam novel tersebut yang membuatkan watak dapat menyentuh jiwa para pembaca. Emosi dan helah bela diri yang dimasukkan dalam bahan bacaan ataupun tontonan akan lebih menyentuh hati dan perasaan penonton. Penghasilan drama melalui novel-novel ini menjadikan karya kreatif tersebut diminati oleh setiap lapisan masyarakat.

RUJUKAN

- A.Halim Ali. (2019) *Pengetahuan asas penyelidikan dalam Kesusasteraan Melayu*, Klang: MZ Edu Publications.
- Abdul Halim Ali (2013) *Pengantar Teori & Kritikan Sastera: Barat Dan Malaysia*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdullah, I. R., & Ali, A. H. (2019). Terapan Konsep Feminisme Talbiah Dalam Cerpen Akar Cinta Karya Aminah Mokhtar. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 46 - 85. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/27>
- Agus Budiyo. (2015). Respon Neurotik Kehidupan Sosial Tokoh Sentral Dalam Novel Boulevard De Clichy (Agonia Cinta Monyet) Karya Remy Sylado: Kajian Psikoanalisis Karen Horney. Universitas Negeri Semarang, Indonesia. JSI 4(1).
- Andrei Yusuf Ajie Wibowo. (2008). Kajian Fenomenologi Rose Window Pada Gereja Paroki Hati Kudus Yesus Malang. Universitas Kristen Petra, Surabaya. Indonesia.
- Ani Dessy Arifanie. (2014). Analisis Konflik Psikis Tokoh Utama dan Nilai-nilai Pendidikan Karakter dalam Novel Asmarani Karya Suparto Brata (Kajian Psikologi Sastra). Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Sebelah Maret. Indonesia.
- Artha Pradika. (2016). Psikoanalisis Sebagai Pendekatan Dalam Bimbingan Konseling (Studi Pemikiran Sigmund Freud). Jurusan Kependidikan Islam, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta. Indonesia.
- Azaha Ibrahim. (2015). Rasa Fenomenologi Dalam Filem-filem Arahkan dan Lakonan Oleh P.Ramlee. Fakultas Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Kelantan.
- Cohen, J.W. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd Edition). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Din, G., & Ali, A. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/5>
- Din, G., Ali, A. H., & Sulong, M. A. (2015). Konsep Komunikasi Dan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Teks naluri. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 166 - 186. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/82>
- Dwi Setyawati Sinaga. (2015). Id, Ego dan Superego Tokoh-tokoh dalam Cerpen L'Enfant dan Le Papa de Simon Karya Guy de Maupassant. Jurusan Bahasa dan Sastra Asing, Fakultas Bahasa dan Seni, Universiti Negeri Semarang. Indonesia.
- Daniel Goleman. (2007). *Emotional Intelligence*, terj. T. Hermaya, (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2002), 7
- Field, A. (2009). *Discovering Statistics Using SPSS: Introducing Statistical Method* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Fox, W. (2003). *Social Statistics: A Text Using MicroCase*. 4th Edition (pp. 221-252). Thompson Learning. USA.
- Ekarini Saraswati. (2011). Pergeseran Citra Pribadi Perempuan Dalam Sastra Indonesia: Analisis Psikoanalisis Terhadap Karya sastra Indonesia Mulai Angkatan Sebelum Perang Hingga Mutakhir. Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia. *Jurnal Artikulasi Bil.12, No.2, 2011*.